



SIARAN MEDIA Media Release

LAPORAN PENEMUAN RINGKAS KAJIAN PERBELANJAAN KELUARGA (KPK) 2015/16



Report of Summary Findings Household Expenditure Survey (HES) 2015/16



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI

LAPORAN PENEMUAN RINGKAS
KAJIAN PERBELANJAAN KELUARGA (KPK) 2015/16

1. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), telah menjalankan **Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2015/16** bermula dari 1 April 2015 hingga 31 Mac 2016. KPK 2015/16 adalah kajian keenam seumpamanya yang dijalankan di Negara Brunei Darussalam.
2. Objektif utama KPK 2015/16 ialah untuk:
 - a) Mengumpulkan maklumat mengenai corak perbelanjaan isi rumah dan tahap pendapatan isi rumah yang lengkap dan terkini;
 - b) Mengemaskinikan senarai dan kewajaran barangan serta perkhidmatan bagi Indeks Harga Pengguna (IHP); dan
 - c) Mengumpulkan maklumat tambahan bagi kegunaan perangkaan akaun negara dan perangkaan sosial.
3. JPKE telah mengeluarkan **Laporan Penemuan Ringkas Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2015/16** yang berasaskan data muktamad dari hasil kajian tersebut. Di antara intisari yang dimuatkan dalam laporan ini adalah seperti berikut:

Perbelanjaan Keluarga

- Pada tahun 2015/16, purata perbelanjaan penggunaan (*consumption*) bagi sebuah keluarga di Negara Brunei Darussalam meningkat sebanyak BND 28 (0.2 peratus) kepada BND 2,923 sebulan, berbanding BND 2,895 sebulan pada tahun 2010/11. Manakala, dari aspek perbelanjaan per kapita, secara purata negara adalah kira-kira BND 472 sebulan berbanding dengan BND 457 sebulan pada tahun 2010/11.

- Corak perbelanjaan menunjukkan bahawa perbelanjaan bagi perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain adalah yang tertinggi sebanyak BND 988 sebulan, atau 33.8 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan bulanan. Ini diikuti oleh perbelanjaan bagi pengangkutan sebanyak BND 379 sebulan (13.0 peratus) dan makanan sebanyak BND 364 sebulan (12.5 peratus).
- Perbelanjaan keluarga bagi pendidikan telah merekodkan peningkatan tertinggi sebanyak 18.3 peratus setahun dalam tempoh lima tahun; iaitu daripada BND 79 sebulan pada tahun 2010/11 kepada BND 183 sebulan pada tahun 2015/16. Manakala, perbelanjaan bagi kelengkapan rumah dan penyelenggaraan rumah rutin mencatatkan penurunan tertinggi sebanyak 9.4 peratus setahun dari BND 223 sebulan pada 2010/11 kepada BND 136 sebulan pada 2015/16.
- Perbelanjaan median isi rumah pada tahun 2015/16 adalah BND 2,205 sebulan berbanding BND 2,241 sebulan pada tahun 2010/11. Ini menunjukkan bahawa separuh dari keseluruhan isi rumah di Negara Brunei Darussalam mempunyai perbelanjaan kurang dari BND 2,205 sebulan dan separuh lagi lebih dari BND 2,205 sebulan.

Pendapatan Keluarga

- Pada 2015/16, pendapatan median isi rumah adalah BND 5,611 sebulan dan ini menunjukkan bahawa separuh daripada keseluruhan isi rumah di Negara Brunei Darussalam mempunyai pendapatan kurang daripada BND 5,611 sebulan manakala separuh lagi menerima lebih daripada BND 5,611. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 4.2 peratus setahun dari BND 4,576 pada 2010/11.
- Manakala pendapatan bulanan keluarga secara purata di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2015/16 telah meningkat sebanyak 4.3 peratus setahun kepada BND 7,009 sebulan daripada BND 5,670 sebulan pada tahun 2010/11. Pendapatan bulanan per kapita juga meningkat kepada BND 1,131 daripada BND 895 pada 2010/11.

- Dari segi sumber pendapatan, pendapatan pekerjaan yang dibayar menyumbang sebahagian besar daripada pendapatan purata bulanan isi rumah sebanyak 70.7 peratus (BND 4,953) pada tahun 2015/16. Pendapatan sendiri, termasuk pendapatan pekerja keluarga, menyumbang 5.8 peratus (BND 409) daripada pendapatan isi rumah bulanan purata. Sementara itu, pendapatan harta dan pendapatan pemindahan masing-masing menyumbang 12.5 peratus (BND 878) dan 11.0 peratus (BND 770).
4. JPKE ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua keluarga yang terpilih bagi KPK 2015/16 di atas kerjasama yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian.
 5. **Laporan Penemuan Ringkas Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2015/16** boleh didapati melalui laman web JPKE. Laporan yang lebih terperinci akan dikeluarkan melalui penerbitan akan datang. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPKE seperti berikut:

Telefon	:	2230250 atau 2230265 (waktu pejabat)
E-mel	:	info.statistics@jpke.gov.bn
Laman web	:	www.depd.gov.bn .



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
PRIME MINISTER'S OFFICE

REPORT OF SUMMARY FINDINGS
HOUSEHOLD EXPENDITURE SURVEY (HES) 2015/16

1. *The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, through the Department of Economic Planning and Development (JPKE), had conducted the **Household Expenditure Survey (HES) 2015/16** starting from 1 April 2015 to 31 March 2016. HES 2015/16 was the sixth such survey being conducted in Brunei Darussalam.*

2. *The main objectives of HES 2015/16 were:*
 - a) *To collect up-to-date and comprehensive information on the pattern of household expenditure and the level of household income;*
 - b) *To revise the lists and weightings of goods and services of the Consumer Price Index (CPI); and*
 - c) *To provide additional information for national accounts and social statistics purposes.*

3. *JPKE has released the **Report of Summary Findings of the Household Expenditure Survey 2015/16** based on the final data from the survey. Among the main findings included in the report are as follows:*

Household Expenditure

- *In 2015/16, the average consumption expenditure for a household in Brunei Darussalam increased by BND 28 (0.2 percent) to BND 2,923 per month, compared to BND 2,895 per month in 2010/11. In terms of per capita expenditure, the national average was about BND 472 per month compared to BND 457 per month in 2010/11.*

- *The pattern of expenditure shows that expenditure on housing, water, electricity, gas and other fuels was the highest at BND 988 per month, or 33.8 percent of the total monthly expenses. This was followed by expenditure on transport at BND 379 per month (13.0 percent) and food at BND 364 per month (12.5 percent).*
- *Household expenditure on education recorded the highest increase of 18.3 percent per year in a period of five years from BND 79 per month in 2010/11 to BND 183 per month in 2015/16. Meanwhile, spending on furnishing, household equipment and routine household maintenance recorded the highest decrease of 9.4 per cent per year from BND 223 per month in 2010/11 to BND 136 per month in 2015/16. .*
- *The median monthly household expenditure in 2015/16 was BND 2,205 compared to BND 2,241 in 2010/11. This indicates that half of the households in Brunei Darussalam spent less than BND 2,205 per month and the other half spent more than BND 2,205.*

Household Income

- *In 2015/16, the median household income was BND 5,611 per month, indicating that half of all households in Brunei Darussalam earned an income of less than BND 5,611 per month while the other half received more than BND 5,611 per month. This represented an increase of 4.2 per cent per year from BND 4,576 in 2010/11.*
- *Meanwhile, the average monthly household income in Brunei Darussalam in 2015/16 increased by 4.3 per cent per year to BND 7,009 from BND 5,670 in 2010/11. The per capita monthly income also increased to BND 1,131 from BND 895 in 2010/11.*
- *By income sources, paid employment contributed the largest portion of the average monthly household income at 70.7 per cent (BND 4,953) in 2015/16. Self-employment income, including income of family workers, accounted for 5.8 per cent (BND 409) of the average monthly household income. Meanwhile, property and transfer income contributed 12.5 per cent (BND 878) and 11.0 per cent (BND 770) respectively.*

4. JPKE would like to take this opportunity to express our appreciation to the selected households in HES 2015/16 for their cooperation throughout the survey period.

5. The **Report of Summary Findings of the Household Expenditure Survey 2015/16** is available from JPKE's website. The detailed report will be released in a forthcoming publication. For any enquiries on this matter, please refer to JPKE as follows:

Telephone : 2230250 or 2230265 (working hours)
E-mail : info.statistics@jpke.gov.bn
Website : www.depd.gov.bn